


## NTU, ST Engineering lancar sistem letak kereta tanpa gantri



**APLIKASI TELEFON GOPARKIN:** Melalui aplikasi GoParkin, pemandu harus memberi informasi kad debit/kredit serta nombor kenderaan, dan bayaran meletak kereta akan diambil daripada kad tersebut. Aplikasi itu juga akan menunjukkan pemandu ke tempat meletak kereta yang terdekat sekali gus menjimat masa. – Foto NTU

► **NUR SYUHRAH HASSAN**  
nsyuhrah@sph.com.sg

TEMPAT letak kereta baru yang tidak mempunyai palang gantri dan pembayaran menerusi aplikasi telefon bijak. Lebih menarik, sistem baru itu juga boleh menunjukkan pemandu ke tempat letak kereta yang berdekatan.

Itulah antara ciri baru dalam Sistem Letak Kereta Bijak yang dilancarkan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan ST Engineering semalam.

Sistem yang pertama kali dikenalkan di Singapura dipercayai boleh menjadi huraian inovatif yang memudahkan pemandu meletakkan kereta di bahagian-bahagian berbeza di kampus NTU.

Menerusi sistem ini, kereta yang memasuki tempat letak kereta tidak perlu mengambil tiket atau perlu tunggu palang gantri naik sebelum masuk.

Menurut satu kenyataan NTU dan ST Engineering, sistem itu menyepadukan teknologi video terkini yang boleh mengenal nombor plat kenderaan, analisa data dan pembayaran melalui telefon bimbit.

Sistem Pengenalan Automatik Nombor Kenderaan (ANPR) menggunakan teknologi pengesanan video dan analitik, yang juga lebih menjimatkan kos jika dibanding dengan sistem Sistem Bayaran Elektronik (EPS) sedia ada, yang menggunakan unit dalam kenderaan dan kad tunai untuk pembayaran yuran meletak kereta.

Untuk menggunakan tempat letak kereta itu, pemandu perlu muat turun aplikasi telefon bijak GoParkin dan membayar menggunakan aplikasi itu pada bila-bila masa.

Sistem ini membantu pemandu mengatasi kesulitan meletak kereta di tempat konvensional misalnya tunggu gantri naik/turun atau keperluan pergi membuat pembayaran di mesin atau kios letak kereta.

Bagi pengendali pula, ia memberikan penjimatan kos dari sudut operasi dan memproses informasi utama. Antara contoh ialah mesin agih tiket dan mesin pembayaran tidak lagi diperlukan, begitu juga peralatan seperti mesin palang gantri.

Kenyataan itu menambah, sistem yang dikenalkan itu sejajar dengan visi Kampus Bijak NTU – memanfaatkan penggunaan dan huraian teknologi untuk mencipta sekitaran pembelajaran dan pengalaman kehidupan yang lebih baik di universiti itu.

Presiden NTU, Profesor Subra Suresh berkata:

“Wadah Letak Kereta Bijak itu adalah contoh satu lagi inovasi yang memperbaiki kehidupan kita setiap hari melalui kebolehan penyelesaian teknologi.

“Ini seiring dengan visi Kampus Bijak NTU di mana kami memanfaatkan kuasa teknologi dalam keadaan yang mampan untuk memperbaiki mutu kehidupan anggota masyarakat kita.

“Teknologi ini juga akan meningkatkan pengalaman pengunjung, dan juga kakitangan serta pelajar yang tinggal di NTU.

“Ini juga memberi kita pandangan dan analisis data yang lebih baik untuk memperbaiki perkhidmatan kami sambil mengurangkan kos.”

Presiden bahagian elektronik ST Engineering, Encik Ravinder Singh menyifatkan sistem itu dapat mengurus meletak kereta dengan lebih berkesan dengan cara yang mampan, mengurangkan pencemaran udara dan kesesakan lalu lintas di mana ini akan memperbaiki pengalaman pemandu.

“Selain itu, informasi mengenai penggunaan tempat letak kereta dapat menjana potensi perkhidmatan baru untuk pemandu kenderaan serta perubahan model perniagaan bagi pengendali tempat letak kereta.

“Inovasi ini adalah penting bagi bandar bijak di masa depan, dan ST Engineering bangga dapat memainkan peranan dalam memajukan visi Kampus Bijak NTU,” kata beliau.

Sistem Letak Kereta Bijak itu sudah beroperasi di tiga tempat letak kereta di kampus utama NTU di Jurong.

Sistem itu akan disediakan di kesemua 59 tempat letak kereta di kampus universiti itu, yang boleh menampung 4,000 kereta, termasuk kampus di Novena dan One-North apabila ia siap pada akhir 2021.